

06 MAR 2004

Rencana-Hadhari

'ISLAM HADHARI' UNTUK MEMIMPIN RAKYAT MALAYSIA KE ARAH KECEMERLANGAN

Oleh Rosyatimah Tukimin

KUALA LUMPUR: Di antara sekumpulan lelaki yang sedang berzikir di masjid dan sekumpulan lain yang pada masa yang sama sedang membaiki paip air yang bocor, kebanyakan orang akan memilih kumpulan yang pertama kerana melakukan sesuatu yang mulia.

Namun Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, pantas menjelaskan bahawa sungguhpun pilihan itu tepat pada zahirnya, tetapi dalam Islam, yang sebenarnya mulia adalah kumpulan lelaki yang membaiki paip kerana tindakan mereka memberi manfaat kepada lebih ramai orang.

Menyifatkan 'zikir' terdiri daripada dua aspek iaitu mulut dan tenaga, beliau berkata kedua-duanya perlu diberi perhatian yang sama.

"Tidak lengkap jika orang Islam hanya bersembahyang dan melupakan soal pembangunan, yang merupakan aspek tenaga, kerana Islam juga menuntut penganutnya supaya 'iqra' (membaca) atau menimba ilmu pengetahuan dan bertamadun. Yang dilakukan kumpulan kedua adalah memenuhi tuntutan agama dari aspek zikir dengan tenaga, yang juga dikenali sebagai 'hadhari' atau tamadun.

"Kebanyakan orang Islam hanya menumpukan soal akhirat kerana sudah tertanam di jiwa mereka sejak bertahun-tahun bahawa apa jua yang berkaitan duniawi dan tidak mempunyai konotasi agama dianggap bukan Islam," beliau memberitahu Bernama dalam satu temu bual baru-baru ini.

'ISLAM HADHARI'

Katanya, dalam usaha untuk memperbetulkan tanggapan salah mengenai Islam dan segala tuntutanannya, kerajaan telah memulakan sebuah program bertujuan menyedarkan rakyat Malaysia tentang ajaran Islam sebenar dan membantu mereka ke arah mengembalikan zaman kegemilangan empayar Islam yang dicapai dahulu.

Dikenali sebagai 'Islam Hadhari' atau Pengurusan Negara Islam, program yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 2002 semasa beliau menjadi timbalan perdana menteri, juga mensasarkan agar rakyat lebih bersikap memandang ke depan selain menyedari betapa perlunya sumber-sumber negara diuruskan dengan cekap.

"Idea program ini tercetus setelah timbulnya kesedaran bahawa pemahaman agama yang sempit menyebabkan orang Islam rata-ratanya mundur dan tidak bersikap memandang ke depan. Kelemahan ini juga menimbulkan kegelisahan politik di dalam negara dan parti pembangkang mengambil kesempatan untuk memperkecilkan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan kerajaan.

"PAS, umpamanya, berulang-kali mendakwa bahawa pelaksanaan hukuman hudud dan qisas adalah penting dalam mewujudkan sebuah negara Islam dan ramai orang Islam mempercayainya. Tetapi hudud itu hanyalah sebahagian kecil saja berbanding tuntutan 'iqra', dan orang PAS pun mengakuinya," kata Abdul Hamid, yang juga pengerusi jawatankuasa induk 'Islam Hadhari' peringkat kebangsaan.

Beliau berharap dengan adanya program itu, rakyat Malaysia akan faham apa yang perlu ada untuk membentuk sebuah negara Islam.

FASA KEDUA

Abdul Hamid, yang telah memegang jawatan yang sama ketika pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata program itu akan berterusan dan jika perdana menteri sebelum ini melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam, Abdullah pula memulakan sepenuhnya aspek 'Hadhari' ini.

"Kini kita berada dalam fasa kedua program dan kira-kira 500 kakitangan awam, Melayu dan bukan Melayu menjalani kursus 'Islam Hadhari' untuk fasa pertama program itu. Program ini semakin giat diadakan sejak fasa kedua dilancarkan perdana menteri pada 30 Januari kerana kita mahu rakyat Malaysia memahami dengan cepat dan jelas mengenai 'Islam Hadhari'. Di bawah program ini, tajuk perbincangan berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain berdasarkan para hadirin dan keperluan," katanya.

Mengulangi jaminan yang diluahkan perdana menteri di beberapa majlis 'Islam Hadhari' bahawa kerajaan tidak akan mengetepikan kaum bukan Islam dan tidak akan mengabaikan kepentingan mereka, Abdul Hamid berkata keindahan Islam ialah segala pembangunan adalah untuk semua dan inilah yang menyebabkan ramai ketua jabatan kerajaan bukan Islam sanggup menghantar para pegawai mereka mengikuti program itu.

Beliau berkata program itu akan menyedarkan kaum Melayu mengenai kepentingan pekerjaan kepada Islam. Misalnya, pemandu bas, doktor, jurutera, kesemuanya mempunyai peranan penting dalam memenuhi keperluan massa, justeru, apa yang dilakukan mereka dianggap memenuhi tuntutan agama dari aspek "Hadhari" itu.

Abdul Hamid berkata setelah rakyat Malaysia memahami sepenuhnya ajaran Islam sebenar dan melihat agama dari perspektif universal, mereka dengan mudah boleh menggerakkan diri ke arah kecemerlangan dan disegani rakan dan lawan, sepertimana yang dicapai empayar Islam terdahulu.

MEMECAHKAN TEMBOK

Katanya lagi dengan adanya nilai-nilai Islam yang kukuh, rakyat Malaysia boleh 'memecahkan tembok' yang dibina penjajah yang telah berjaya memisahkan agama daripada ilmu, yang merupakan punca masalah ini.

"Sebagai contoh, ketika zaman pemerintahan Greek dan Roman, hanya golongan bangsawan dibenarkan membaca dan menuntut ilmu tetapi Islam telah mendemokrasikan pendidikan supaya ia boleh dipelajari oleh semua, kata beliau, sambil menambah bahawa ilmu atau pendidikan merupakan 'jendela ke arah tamadun.'

Katanya, perkara serupa berlaku di negara ini sewaktu pemerintahan penjajah di mana hanya sebilangan kecil kaum Melayu diberi peluang mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan, lantas yang selebihnya menumpukan kepada pendidikan agama.

Abdul Hamid berkata agama dan ilmu harus berjalan seiringan dan kejayaan empayar Islam yang lalu disebabkan orang Islam ketika itu memahami dan menghayati isi kandungan Al-Quran dengan mendalam.

"Seperti yang tercatat dalam Al-Quran, pada awalnya, orang Islam diseru untuk membaca (iqra) yang bermaksud mereka perlu belajar mengetahui

apa yang mereka tidak tahu melalui pembacaan. Dalam pada pegangan atau akidah akan sentiasa kekal sama, tamadun berubah mengikut peredaran masa, menyebabkan orang Islam perlu membaca. Seandainya menaiki kereta kuda pernah dianggap sebagai bertamadun, kini ia tidak lagi kerana masyarakat hari ini memiliki kereta yang boleh membawa mereka ke merata-rata tempat dengan lebih cepat," katanya.

SASARAN SETERUSNYA

Abdul Hamid berkata sasaran program yang seterusnya ialah para guru, terutamanya yang mengajar pendidikan Islam, supaya segala salah tanggapan boleh diperbetulkan di peringkat akar umbi.

"Kita harus memperbetulkan tanggapan kurang sihat seperti amalan popular menghantar anak-anak ke sekolah 'tahfiz' (hafaz Quran) kerana orang Islam biasanya percaya bahawa jika salah seorang ahli keluarga boleh menghafaz Quran maka kesemua ahli keluarga akan masuk syurga.

"Ini menjelaskan mengapa baru-baru ini kerajaan menerima laporan bahawa terdapat seramai 15,000 anak Melayu yang tidak bersekolah...dan dikategorikan sebagai penuntut tercicir. Kita mendapati kanak-kanak itu sebenarnya dimasukkan ke sekolah 'tahfiz'. Kita tidak mengatakan bahawa menghantar anak-anak ke sekolah seumpama itu salah tetapi pendidikan yang diberikan kepada mereka harus seimbang," katanya.

-- BERNAMA

RT RR